



Penumpang pejalan kaki warga Malaysia berpeluang menikmati perkhidmatan feri Pulau Pinang secara percuma sehingga 30 Jun.

# Pulau Pinang sambung taja feri percuma 6 bulan lagi

**Georgetown:** Kerajaan Pulau Pinang menyambung penajaan program feri percuma selama enam bulan pada 2023, bermula hari ini hingga 30 Jun, membabitkan perbelanjaan sebanyak RM468,000.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari, berkata perkara itu seiring dengan lanjutan pembiayaan Pas Mutiara oleh kerajaan negeri yang diumumkan baru-baru ini.

"Ini sekali gus bermaksud bahawa sekali lagi, jaringan pengangkutan awam di Pulau Pinang, baik pengangkutan air atau darat adalah percuma bagi semua warganegara Malaysia.

"Pembiayaan tambang feri kepada penumpang pejalan kaki ini melibatkan peruntukan RM78,000 sebulan dengan jumlah tiket sebanyak 65,000 tiket sebulan," katanya dalam kenyataan, semalam.



Zairil Khir Johari

## Program dapat sambutan

Katanya, program yang mula dilancarkan 1 Julai 2021 itu mendapat sambutan hangat daripada warga Pulau Pinang dengan jumlah penumpang menunjukkan momentum semakin meningkat, lebih-lebih lagi

apabila negara memasuki fasa endemik COVID-19.

Zairil berkata, menerusi penajaan itu, ia membolehkan penumpang pejalan kaki wargane-

gara Malaysia layak menikmati perkhidmatan feri Pulau Pinang secara percuma pada setiap hari dan setiap masa.

Katanya lagi, penumpang hanya perlu membawa MyKad yang telah didaftarkan terlebih dahulu di kaunter tiket dan tap di peranti pengimbas MyKad yang disediakan Penang Port Sdn Bhd (PPSB) untuk penyeberangan percuma sebelum menaiki feri.

"Kerajaan negeri berharap dengan adanya pembiayaan tambang feri itu, ia dapat sedikit sebanyak membantu mengurangkan kos perjalanan warga Pulau Pinang yang berulang alik menggunakan pengangkutan awam," katanya.

Menurutnya, usaha kerajaan negeri itu juga diharap dapat menjadi pemangkin untuk orang ramai menggunakan pengangkutan awam sebagai salah satu mod pengangkutan.

BERNAMA